

Apakah disebalik realisasinya budi dan kemanusiaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad? Banyak pemikiran, dasar dan wawasan serta tindakan Dr. Mahathir tidak disenangi dan diragui oleh banyak pihak, samada kawan atau musuh politik, pentadbir, profesional mahupun usahawan.

Ketidaksenangan itu bukan hanya dirasai oleh rakyat Malaysia malah pemimpin dan tokoh di seluruh dunia. Apakah penyebab sehingga budinya melepasi sempadan geografi dan kemanusiaan tersohor itu?.

Sudah lama kita tidak mendengar kelahiran filosof-filosof terkenal dunia khususnya generasi baru. Apakah Dr. Mahathir sebaris dengan filosof terkenal dunia sebelumnya? Benarkah adanya pengaruh filsafat Ibnu Sina, Ibnu Khaldun, Iqbal dan Morteza Mutahhari dalam pemikiran, dasar dan wawasan serta tindakannya?

Apapun peristiwa besar, apapun terjadi di dunia, masalah apapun yang harus dipecahkan di bumi kita ini, akhirnya bertautan juga dengan manusia. Setiap manusia mempunyai pandangan hidup dan pengaruh yang dilakukan dalam mengembangkan eksistensi mereka.

Justeru itu sememangnya masih banyak lagi rahsia kemanusiaan yang tidak diungkap sehingga kini. Kita telah menemukan banyak karya-karya agung, pemikir-pemikir sohor dan negarawan terbilang, namun ungkapan-kata dramawan Yunani Sofokles (abad ke-5 Sebelum Masehi) dalam sebuah karyanya berjudul Antigone berbunyi "Banyak keajaiban di dunia ini, tetapi tidak ada sesuatu yang lebih ajaib daripada manusia" hal ini masih benarnya sehingga kini. Tentu saja, sejak perkataan Sofokles ini ditulis, hampir 25 abad yang lalu, telah terjadi banyak sekali perubahan. Pengetahuan manusia sudah meloncat mencapai ketinggian yang belum pernah dimimpikan.

lihat muka 10...

...dari muka depan

Rekransi m/s: 1 & 10 Perdana

Begitulah kehebatan manusia yang dicipta oleh Allah. Dengan keupayaan anugerah dari Allah, terbayang usaha kemanusiaan dan fikiran manusia dari zaman ke zaman, untuk hendak mengetahui rahsia diri dan alamnya. Seperti ungkapan pujangga "Hikmat itu adalah harta kaum beriman yang hilang. Maka hendaklah dipungut di mana juapun bertemunya" begitulah luas dan dalamnya 'intisari' budi dan kemanusiaan.

Insan yang bernama 'Mahathir' sejak dari awal lagi mempunyai pemikiran yang radikal - beliau melihat akar bukan pokok yang tumbuh. Beliau juga seorang pemikir yang sistematis, berfikir logis, langkah demi langkah dengan penuh kesedaran dengan urutan tanggungjawab dan saling berhubungan. Pemikirannya universal, umum dan tidak khusus, tidak terbatas pada bahagian tertentu, tetapi mencakup keseluruhannya.

Dr. Mahathir memberi interpretasi atas kenyataan dan fikiran-fikirannya yang cuba dibentuk kepada masyarakat dengan membentuk pandangan dan sikap hidup. Lantaran itulah Dr. Mahathir menjadikan manusia Melayu sebagai subjek, sedangkan objeknya berada dalam keadaan keliru dan tidak jelas dalam diri orang Melayu. Inilah sebenarnya masalah Melayu dalam pandangan Dr. Mahathir!

Dr. Mahathir amat mengetahui tanggungjawab filsafatnya, bagi pandangannya seorang arkitek harus menguasai pengetahuan tentang bahagian-bahagian rumah, sekalipun ia tidak mampu mengerjakan atau membinanya. Di era kepemimpinan Dr. Mahathir beliau amat menitikberatkan kebudayaan dan sosial, dua aspek penting menentukan ketamaduan dan ketuanan Melayu, malah menjadi wajah sebenar bangsa

# BUDI & MAHATHIR KEMANUSIAAN

Malaysia.

Dr. Mahathir adalah orang yang berani dalam pemikirannya dan selanjutnya berani dalam sikap dan pandangan hidup sebagai hasil dari pemikiran itu. Beliau berani untuk menyaksikan kenyataan yang dihadapinya atau menyangsikan warisan yang ditemuinya. Beliau berani bertanya dan berani pula menjawab. Sekalipun pertanyaan itu menyinggung sesuatu atau jawapan itu menentang masyarakatnya. Baginya orang yang hanya mengamati dengan pancaindera, seluas apa yang difikirkan mereka ialah apa yang memuaskan ideologi dari rasa mereka. Oleh kerana itu tidak keterlaluan jika boleh dikaitkan bahawa Dr. Mahathir bukan sekadar seorang ilmuwan tetapi filosof.

Manusia 'Mahathir' mencari kebenaran, dalam mencari kebenaran itu ia bukan untuk mendapat pujian, kemuliaan, kedudukan, keharuman nama, bukan untuk menegakkan benang yang basah dan sebagainya. Beliau mencari kebenaran itu demi kebenaran itu sendiri. Di situlah letaknya kerja mulia insan ini.

Kenapa Dr. Mahathir ditentang dari sudut agama? Sejarah pertentangan antara filosof dan ulama telah berlaku ratusan tahun yang lalu. Filosof -filosof Islam difitnah dan buku-buku mereka dibakar. Nasib yang sedemikian dialami oleh Ibnu Rusjd dan tidak terkecuali Dr. Mahathir. Beliau digelar Firaun, Maha Zalim, malahan

dibandingkan dengan Khinzir dan seribu macam fitnah lagi. Samada sedar atau tidak sebenarnya Dr. Mahathir amat berpegang kepada prinsip kebebasan berfikir, dalam hal ini beliau amat-amat serius.

Dr. Mahathir menjadikan sumber manusia dan masyarakat sebagai titik tolak penting 'kemajuan' negara dan menjadi dasar yang konsisten dalam Wawasan 2020 sehinggalah kepimpinan yang akan datang.

Dr. Mahathir bersara dan menyerah tugas penting budi dan kemanusiaan yang pastinya akan dipenuhi dengan Sufistik terhadap manusia moden dan maju. Satu keperluan penting buat Masyarakat Malaysia.

*Untuk maklumat pembaca, rencana ini merupakan cetusan-cetusan pertanyaan, anggapan, pandangan dan pemikiran yang mungkin akan menimbulkan polemik, arah baru pemikiran Mahathir dan lain-lain yang boleh diperpanjangkan sebagai penghargaan kita kepada negarawan Malaysia yang banyak jasanya itu. Oleh itu selain kupasan pertanyaan itu, rencana "Budi dan Kemanusiaan Mahathir" akan diterus pada siri-siri akan datang, termasuk pandangan dan rencana-rencana dari pembaca, pemimpin-pemimpin politik, ilmuwan dan sebagainya. Oleh itu pihak penerbit mengalu-alukan sebarang rencana, surat pembaca dan sebagainya, khusus mengenai Budi dan Kemanusiaan Mahathir.*